

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 August 2015

# Realisasikan negara berpendapatan tinggi

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA,  
FADZIL ZAINAL dan  
AHMAD SHAZWAN MD. YUSOF  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 OGOS

**K**ERAJAAN akan menubuhkan kelab syarikat milik kerajaan (GLC) yang akan dikenali sebagai G20 pada Januari 2016 bagi merencanakan usaha merealisasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, iangkah mewujudkan G20 juga dilihat bertepatan dengan wawasan untuk menjadikan GLC sebagai bukan sahaja juara di rantau ini, tetapi peneraju dalam industri masing-masing.

Menurutnya, G20 akan dianggotai 20 buah syarikat GLC utama di negara ini dan jika itu berlaku, permodalan pasaran kelab tersebut mencecah paras sehingga RM431 bilion, sebagaimana jumlah modal keseluruhan semua GLC pada April lalu.

"Kelab ini mempunyai peranan penting dalam menerajui semua usaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan berpandukan tiga prinsip Program Transformasi GLC," katanya semasa berucap dalam majlis Pentauliah Program Transformasi GLC di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan ketua-ketua pegawai eksekutif GLC.



NAJIB TUN RAZAK melawat gerai pameran pada Majlis Graduasi Program Transformasi Syarikat Milik Kerajaan dan Hari Terbuka GLC 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Ahmad Husni Hanadzlah (dua kanan).  
- UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Menyentuh mengenai Program Transformasi GLC, Perdana Menteri berkata, dalam tempoh 10 tahun GLC menyumbang RM108.6 bilion dividen dan RM62.7 bilion cukai, selain menyediakan pelbagai peluang pemiagaan baharu.

Jelasnya pada tahun lalu sahaja, bilangan pembekai yang menjaikan pemiagaan dengan kumpulan 20 syarikat GLC adalah hampir

mencecah 67,000 dengan nilai pemiagaan sebanyak RM98.2 bilion.

Dalam perkembangan yang sama, Najib berkata, GLC selaku institusi penting negara perlu sentiasa seiring dengan kerajaan dalam membentuk agenda Malaysia terutama bagi menayakan usaha untuk menjadi peserta penting di pasaran global.

Beliau yang juga Menteri Kewangan seterusnya menjelaskan, GLC

perlu bergerak dan berkembang daripada syarikat yang ditadbir urus dengan baik kepada model institusi yang kukuh serta bertanggungjawab.

"Kita mesti berupaya menawarkan bukan sahaja produk dan perkhidmatan bertaraf antarabangsa tetapi GLC mesti menerima pakai dan menyesuaikan amalan terbaik untuk memastikan penjaan nilai jangka panjang," katanya.